

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : DATO' KESAVADAS A/L A.ACHYUTHAN
NAIR

SOALAN NO. 85

Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jumlah terkini ibu tunggal yang miskin (B40 dan ke bawah) dan apakah program khusus, dan dasar perlindungan sosial yang dirancang untuk membantu mereka memandangkan kehidupan mereka adalah mencabar. Ada yang terpaksa bekerja dengan pendapatan rendah atau yang tidak langsung bekerja dan tersisih dari masyarakat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) melaksanakan Program Pusat Aktiviti Cakna Bangun Ekonomi (PACBE) yang merupakan satu program yang disusun semula dengan memberi fokus kepada Pembangunan Kapasiti dan Peningkatan Kesejahteraan Wanita. Melalui penyusunan semula fokus, adalah diharapkan ia dapat memberi impak yang lebih bermakna kepada wanita termasuklah ibu tunggal terutama dalam menambah pendapatan. Pelaksanaan Program PACBE dibahagikan kepada 3 bidang utama iaitu:

- i) Bidang **Community-Based-Enterprise (CBE)** untuk aspek peningkatan kemahiran;
- ii) Bidang **Psikopendidikan (substentif)** untuk aspek pembangunan pendidikan sosial; dan
- iii) Bidang Pengupayaan (*empowerment*) untuk aspek pembangunan keupayaan.

PACBE ini dilaksanakan oleh Pejabat Pembangunan Wanita Negeri (PPWN) di seluruh negara dengan melibatkan penyertaan wanita dan 30% ibu tunggal yang berdaftar dalam Sistem iWanita. Bagi maksud ini, JPW telah merekodkan pendaftaran ibu tunggal dalam Sistem iWanita secara sukarela bagi yang berminat untuk mengikuti program-program di bawah JPW. Statistik ibu tunggal dalam sistem iWanita sehingga bulan Jun 2019 adalah seramai 78,940 orang.

Pada tahun 2018, sebanyak 648 PACBE telah dilaksanakan dengan penglibatan seramai 10,201 orang peserta. Sehingga 30 Jun 2019, sebanyak 378 PACBE dilaksanakan melibatkan seramai 5,615 orang peserta.

Selain daripada Sistem iWanita, ibu tunggal juga turut didaftarkan di dalam Sistem eKasih di bawah ICU melalui permohonan dan bancian untuk mendapatkan statistik ibu tunggal di seluruh negara bagi tujuan pemberian bantuan kerajaan. Statistik ibu tunggal dalam Sistem eKasih

SOALAN NO. 85

sehingga 10 Julai 2019 adalah seramai 105,621 orang dengan pecahan 7,499 Ketua Isi Rumah (KIR) Miskin Tegar, 20,088 KIR Miskin dan 78,034 KIR berstatus terkeluar.

Manakala Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) melaksanakan program MamaCare, perkhidmatan penjagaan selepas bersalin yang selamat secara tradisional dan moden termasuk ilmu keibubapaan, bertujuan membantu wanita warga emas, ibu tunggal dan wanita yang layak dari golongan isi rumah berpendapatan rendah (B40) menambah pendapatan keluarga melalui latihan kapasiti MamaCare. Pada tahun 2018, seramai 20 orang peserta yang terlibat manakala sehingga bulan Jun 2019, seramai 140 peserta telah terlibat dalam program ini.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS,

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN
DARIPADA : PUAN LIM HUI YING

SOALAN NO. 155

Puan Lim Hui Ying minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan langkah mewujudkan komuniti selamat dari keganasan rumah tangga, termasuk memudahkan akses mangsa mendapatkan *Emergency Protection Order* (EPO) serta penyediaan tempat selamat termasuk di kawasan luar bandar dan kawasan terpencil.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menangani isu keganasan rumah tangga, Kementerian mengambil tindakan di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 [Akta 521]. Menerusi akta ini, kerajaan memperuntukkan perlindungan undang-undang dalam situasi keganasan rumah tangga dan perkara-perkara yang bersampingan dengannya. Tindakan segera akan dijalankan bersama agensi-agensi penguatkuasaan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), mahkamah dan agensi yang berkaitan bagi memastikan segala bentuk keganasan rumah tangga dan penderaan dapat di bendung.

Mengikut seksyen 3A Akta 521, Pegawai di Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) diberi kuasa untuk mengeluarkan Perintah Perlindungan Kecemasan (EPO) yang boleh dimohon bila-bila masa, sama ada mangsa telah mempunyai Perintah Pelindungan Sementara (IPO) atau Perintah Pelindungan (PO) sebelum itu dan IPO atau PO itu masih belum selesai.

Permohonan boleh dibuat di mana-mana Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) yang berdekatan atau di Talian Kasih 15999.

Permohonan EPO juga boleh dibuat secara *ex-parte* oleh mangsa, peguam mangsa atau penjaga / saudara / orang yang bertanggungjawab kepada kanak-kanak atau orang dewasa tidak berkeupayaan atau seorang pegawai JKM selain pegawai JKM yang diberi kuasa oleh Ketua Pengarah.

Sehingga kini Kementerian telah meluluskan **43** tempat selamat yang bersesuaian di seluruh negara untuk mangsa di bawah Akta 521. Walau bagaimanapun, Kementerian mengambil saranan untuk mengujudkan komuniti selamat dengan berusaha untuk bekerjasama dengan agensi-agensi penguat kuasa yang lain dalam isu keganasan rumah tangga.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS,

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN
DARIPADA : PUAN LIM HUI YING

SOALAN NO. 156

Puan Lim Hui Ying minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapakah perintah perlindungan interim (IPO) dan perintah perlindungan (PO) yang dikeluarkan untuk mangsa kanak-kanak dan berapa IPO dan PO yang dikeluarkan untuk mangsa dewasa yang turut memasukkan anak mangsa dalam perintah itu.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menangani isu keganasan rumah tangga, Kementerian mengambil tindakan di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 [Akta 521]. Menerusi akta ini, Kerajaan memperuntukkan perlindungan undang-undang dalam situasi keganasan rumah tangga dan perkara-perkara yang bersampingan dengannya. Tindakan segera akan dijalankan bersama agensi-agensi penguatkuasaan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), mahkamah dan agensi yang berkaitan bagi memastikan segala bentuk keganasan rumah tangga dan penderaan dapat di bendung.

Berdasarkan kepada statistik dari bulan Januari hingga Disember 2018 dilaporkan sebanyak **287** Perintah Perlindungan Interim (IPO) dan **27** Perintah Perlindungan (PO) telah dikeluarkan. Perintah ini hanya dikeluarkan untuk memberi perlindungan untuk orang dewasa.

Bagi kes-kes perlindungan yang melibatkan kanak-kanak, ia akan dirujuk terus kepada Pelindung di bawah Akta Kanak-kanak 2001 untuk diberi intervensi yang bersesuaian seperti menempatkan bersama orang yang layak (OYL) atau di Rumah Kanak-Kanak.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : PUAN BATHMAVATHI KRISHNAN

SOALAN NO. 172 :

Puan Bathmavathi Krishnan minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapa peratuskah sasaran yang ditetapkan dalam Pelan Tindakan OKU 2016-2022 sudah tercapai. Apakah kaedah yang digunakan oleh Kementerian untuk memantau pencapaian sasaran yang terletak di bawah tanggungjawab Kementerian-Kementerian lain.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pelan Tindakan OKU 2016-2022 telah diluluskan oleh Mesyuarat Jemaah Menteri pada 25 Mac 2016 dan dilancarkan pada 9 Ogos 2016. Terdapat 10 Teras Strategik di dalam pelan ini, antaranya adalah meningkatkan aksesibiliti golongan OKU, memperkasakan ekonomi golongan OKU, meningkatkan akses OKU kepada pendidikan, meningkatkan akses OKU kepada kesihatan serta advokasi. Pelaksanaan program-program yang digariskan di bawah Pelan Tindakan OKU ini akan dilaporkan ke dalam Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi OKU yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat.

Di antara pencapaian utama Pelan Tindakan OKU sebelum ini adalah seperti berikut:

- i) Menambah baik mekanisme pelaksanaan Dasar Satu Peratus Peluang Pekerjaan kepada OKU di Sektor Awam. Sehingga 31 Disember 2018, terdapat sebuah agensi Kerajaan yang mencapai sasaran satu peratus pengisian golongan OKU dalam perkhidmatan awam iaitu Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Manakala empat agensi menghampiri sasaran ditetapkan iaitu Kementerian Pertahanan (0.98%), SUK Negeri Terengganu (0.97%), SUK Negeri Perlis (0.88%) dan Setiausaha Kerajaan (SUK) Negeri Pulau Pinang (0.86%). Antara mekanisme lain yang telah diambil bagi meningkatkan peratusan ini adalah antaranya pelantikan YBhg Dato' Abdul Rahman bin Othman wakil OKU sebagai Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA). Beliau telah mula berkhidmat sebagai Ahli SPA pada 1 April 2019;
- ii) Pelaksanaan audit akses yang diterajui oleh Kementerian Pengangkutan bagi beberapa perkhidmatan dan infrastruktur pengangkutan utama seperti *Mass Rapid Transit (MRT)*; *Electric Train Service (ETS)* dan *Kuala Lumpur International Airport 2 (KLIA2)*;
- iii) Pelaksanaan program pemerksaan ekonomi secara keseluruhannya telah dilaksanakan di 215 pusat pemulihan dalam komuniti (PDK) oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Sebanyak 65 buah PDK

mengambil bahagian pada tahun 2016 dan diikuti pertambahan sebanyak 150 buah PDK pada tahun 2017;

- iv) Pelaksanaan OKU *Talent Enhancement Programme* (OTEP) oleh Kementerian Sumber Manusia, di mana bagi tahun 2016 sehingga 2018, seramai 252 OKU telah dilatih dan 90% daripada jumlah ini telah mendapat pekerjaan;
- v) Peningkatan jumlah murid berkeperluan khas yang mengikut Program Pendidikan Inklusif di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia daripada 23,048 orang pada tahun 2016, kepada 33,625 orang pada tahun 2017 dan 42,210 orang pada tahun 2018;
- vi) Melaksanakan Modul '*Live Life, Stay Safe*' oleh Kementerian Kesihatan Malaysia berkaitan kesedaran dan keselamatan berkaitan kesihatan seksual di kalangan kanak-kanak dan remaja berkeperluan khas bagi Zon Tengah pada November 2017. Program ini diteruskan sehingga tahun 2018; dan
- vii) Menyasarkan lapan program *Disability Equality Training* (DET) setiap tahun kepada agensi Kerajaan, sekolah / universiti, komuniti dan pihak swasta. Walau bagaimanapun, sebanyak lima program telah dijalankan pada tahun 2016, 18 program pada tahun 2017 dan 20 program bagi tahun 2018.

Secara keseluruhannya, pelaksanaan program-program di bawah Pelan Tindakan OKU ini masih belum mencapai tahap yang memberansangkan, terutama sekali dari segi peningkatan aksesibiliti dan mobiliti kepada golongan OKU dari aspek persekitaran fizikal, perkhidmatan perbankan dan insurans, pendidikan dan pekerjaan; serta advokasi. KPWKMM bercadang untuk mengadakan kajian separuh penggal ke atas Pelan Tindakan OKU tersebut pada tahun ini bagi membuat penilaian menyeluruh mengenai program-program dan agensi peneraju, serta memperhalusi mekanisme pemantauan dan pelaporan sedia ada. Kaedah pelaporan sedia ada iaitu melalui Majlis Kebangsaan Orang Kurang Upaya masih diteruskan.